

09 FEB 2003

Hasmah-Wanita/I

DR SITI HASMAH SARAN SEMUA PIHAK BEKERJASAMA ATASI KONFLIK DUNIA

KUALA LUMPUR, 9 Feb (Bernama) -- Semua pihak perlu menyelesaikan konflik di dunia menerusi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) serta turut mendapatkan pandangan kaum wanita, keprihatinan dan pengalaman mereka dalam semua peringkat penyelesaian dan rundingan bagi proses keamanan, kata isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali.

Beliau berkata suara wanita merupakan keupayaan terhadap konsep keselamatan yang berlainan, pelucutan senjata dan peraturan dunia kerana moraliti wanita dihubungkan dengan penekanan kepada hubungan kasih sayang yang dipengaruhi etika penjagaan dan bagaimana keputusan mereka akan mempengaruhi masyarakat dunia.

Dr Siti Hasmah berkata inilah masanya untuk melihat semula proses damai dan resolusi konflik diplomasi yang dalam kebanyakan contoh, wanita terlibat secara langsung dalam peperangan hanya selepas keputusan penting politik telah dibuat, selepas senjata diedarkan dan peperangan bermula.

"Biarkan saya menyimpulkan bahawa tafsiran mengenai menentang keganasan adalah kurang jelas, masalah akarnya tidak ditangani dan sebab untuk berperang tidak dipakai secara konsisten.

"Sementara itu, kita terkepung oleh perasaan bimbang yang mendalam kerana kita mudah diserang dengan pengeboman berani mati dan serangan lebih awal oleh satu pihak dengan senjata pemusnah besar," kata beliau dalam ucapan pada Konvensyen Wanita Malaysia di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Konvensyen itu dianjurkan oleh Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita (NCWO) sempena kempen Aman Malaysia untuk memungut sejuta tanda tangan bagi menentang peperangan ke atas Iraq.

Siti Hasmah berkata inilah masanya wanita mempengaruhi keputusan yang mencetuskan peperangan, pengendalian peperangan dan situasi selepas konflik kerana cara berfikir wanita membawa harapan dan peluang lebih baik bagi keamanan yang berpanjangan.

"Wanita dan kanak-kanak adalah manusia yang secara langsung menerima kesan daripada kekejaman perang, oleh itu, berkata tidak kepada perang adalah penting," katanya.

Sementara itu, tujuh resolusi diluluskan pada konvensyen berkenaan yang akan diserahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa Perhimpunan Aman Malaysia pada 23 Feb.

Antaranya ialah menggalakkan pendidikan dan keupayaan membina keamanan, resolusi kepada konflik dan sensitiviti jantina di sekolah, keluarga dan masyarakat menerusi media massa dan institusi sosial bagi membolehkan masyarakat menerima nilai, corak sikap dan tingkah laku budaya keamanan, menghormati kepelbagaian dan menghindarkan kebencian dan membalas dendam.

Yang turut hadir ialah Presiden NCWO Prof Datuk Sharifah Habsah Shahabudin.

-- BERNAMA

SOP HS ABG HM